

Sertai Cabaran Mini Xplorace

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Orang ramai dijemput menyertai Cabaran Mini Xplorace yang merupakan aktiviti lasak dan menguji minda sempena Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-40, Sabtu ini.

Jurucakap Urusetia Pesta Konvokesyen UPM berkata, acara tersebut bermula pukul 12 tengah hari di Bukit Eksopo, UPM dengan penyertaan secara berkumpulan yang terbuka kepada semua tanpa mengira umur dan jantina.

“Penglibatan pelbagai bangsa amat digalakkan bagi memberi lebih variasi, iaitu minimum seramai empat orang dalam satu pasukan dengan kadar bayaran penyertaan sebanyak RM20 sahaja,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, peserta hanya perlu melengkapkan kesemua tugas pada setiap check-point yang disediakan dengan kumpulan terpanas yang dapat menyelesaikan



UTUSAN MALAYSIA

MINGGUAN MALAYSIA

tugasan dan memberi jawapan tepat akan bergelar juara.

“Juara akan memperoleh wang tunai RM1,000 manakala RM500 untuk naib juara, RM400 tempat ketiga, RM200 tempat keempat dan pemenang sagu hati akan membawa pulang produk eksklusif Kumpulan Utusan dan sijil penyertaan kepada semua peserta.

“Orang ramai yang berminal menyertai Cabaran Mini Xplorace ini perlu melengkapkan borang yang boleh didapati dalam akhbar Utusan Malaysia



Penglibatan pelbagai bangsa amat digalakkan bagi memberi lebih variasi, iaitu minimum seramai empat orang dalam satu pasukan dengan kadar bayaran penyertaan sebanyak RM20 sahaja.”

**JURUCAKAP URUSETIA
PESTA KONVOKESYEN UPM**

dan faksikan berserta slip bayaran ke 03-92210204,” katanya.

Para peserta juga boleh mendaftarkan diri untuk acara itu mulai esok dan bagi 20 pasukan terawal mendaftarkan diri bakal menerima hadiah eksklusif daripada pengjur.

Selain acara itu, pengunjung eksopo juga boleh menyertai pelbagai acara lain yang disediakan seperti Fun Run 5km, pertandingan mewarna, pertandingan memancing terbuka dan cabutan bertuah.